

28/02/1997

Umno anggap gejala sosial isu darurat (HL)

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno, yang mengadakan muzakarah khas menangani gejala sosial hari ini, menyifatkan masalah itu sudah sampai ke tahap darurat dan boleh mengancam keselamatan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Agama Islamnya, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Umno mengukur tahap kritikal gejala sosial apabila kerajaan mengambil beberapa langkah drastik melalui undang-undang untuk membendunginya.

Antaranya ialah kajian semula penguatkuasaan Akta Juvana 1973 supaya ibu bapa dihukum jika anaknya melakukan kesalahan berulang kali, memberi kuasa polis kepada guru disiplin, pembabitan polis dalam peraturan di sekolah serta langkah mengehadkan tempoh operasi premis hiburan.

Menurutnya, walaupun tahap gejala itu belum sampai kepada pembabitan Jawatankuasa Keselamatan Negara, ramai pemimpin Umno berpendapat isu itu sangat serius dan semua undang-undang berkaitan mesti dikuatkuasakan.

"Ertinya kita sedang ke arah lebih keras dan tegas dari segi penguatkuasaan undang-undang. Sebab itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan pihak yang menguatkuasakan peraturan dan undang-undang tertentu, mengambil tindakan.

"Kita ada pengalaman lama. Ketika masalah dadah di peringkat awal dahulu, ia hanya dianggap isu kebajikan. Tetapi apabila serius, ia dianggap soal keselamatan dan masalah negara. Begitu juga gejala sosial bukan lagi soal kebajikan tapi kini menjadi ancaman keselamatan negara.

"Kita harus insaf, kekuatan teknologi tidak menjamin masa depan sesebuah bangsa dan negara jika akhlak serta moral rakyatnya runtuh. Keadaan ini tidak harus berlaku dalam masyarakat kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Muzakarah Menangani Gejala Sosial: Pelan Tindakan Umno di sini, hari ini.

Muzakarah sehari itu dianjurkan bersama oleh Biro Hal Ehwal Agama Islam Umno, Biro Sosial dan Pengaduan Awamnya, serta Pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu. Kira-kira 300 peserta terdiri daripada ketua bahagian, tokoh korporat, wakil pertubuhan kebajikan dan belia serta persatuan pelajar dan tokoh akademik universiti tempatan hadir.

Empat bengkel diadakan selepas dua kertas kerja dibentangkan, masing-masing oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Zainul Ariff Hussain; dan Ketua Pengarah Jabatan Agama Kemajuan Islam, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Dr Abdul Hamid yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, hasil perbincangan bengkel yang dikemukakan kepada sidang pleno itu, akan diperincikan sebelum dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Selasa ini.

Sidang itu merumuskan supaya kerajaan lebih tegas kerana penguatkuasaan di peringkat awal bagi beberapa permasalahan sebelum ini agak lemah. Ketiadaan penyelarasan program menangani masalah itu menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut.

Muzakarah itu juga memutuskan supaya ditubuhkan jawatankuasa sosial di peringkat daerah dengan agenda khusus untuk menangani gejala ini.

Ketua keempat-empat penganjur muzakarah itu pula akan meminta MT Umno melihat isu berkenaan sebagai masalah besar yang memerlukan agenda dan program bersepadu membabitkan seluruh jentera parti.

"Mungkin juga perlu ada satu perhimpunan khas Umno untuk membincangkan isu ini, barangkali untuk penggubalan undang-undang atau peraturan dalam

parti," katanya.

Institusi seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Rela, Wataniah dan Rukun Tetangga juga perlu digerakkan semula dan diberi tanggungjawab untuk menangani isu ini.

(END)